

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 20.11.2014

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan cadangan untuk mengembangkan rangkaian Kolej Komuniti dengan mewujudkan sebuah lagi Kolej Komuniti berteraskan program teknikal dan vokasional untuk Labuan dalam masa terdekat ini memandangkan Labuan adalah pusat industri minyak dan gas prima negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik atau kolej komuniti mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi setempat serta keperluan sumber tenaga negara. Tambahan pula, Jemaah Menteri pada 8 September 2004 telah bersetuju supaya kolej komuniti dibina mengikut keperluan dan tidak di setiap daerah atau kawasan Parlimen.

Pada masa ini, telah terdapat lapan (8) buah kolej komuniti di negeri Sabah iaitu Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Penampang, Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Semporna,

Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Tambunan, dan Kolej Komuniti Kota Marudu.

Oleh itu, Kementerian berpandangan kolej komuniti sedia ada yang berhampiran seperti Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Penampang di Sabah dan Kolej Komuniti Miri di Sarawak masih mampu menampung permintaan daripada lepasan sekolah menengah, di Labuan dan sekitarnya. Walau bagaimanapun cadangan pembinaan Kolej Komuniti di Labuan akan diberikan pertimbangan sewajarnya tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

RJM137